

Johor catat jangkitan H1N1 keempat

JOHOR BAHRU - Seorang lelaki tempatan yang bekerja di Singapura disahkan menghidap Influenza A (H1N1), menjadikan jumlah mangsa di Johor setakat ini kepada empat orang, menurut anggota Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Dr Robia Kosai.

Menurutnya, lelaki berusia 25 tahun itu mengadu tidak sihat ketika menjalani saringan kesihatan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), di sini kelmarin.

"Berikutan dengan itu, lelaki terbabit telah dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan disahkan positif H1N1," katanya pada sidang media di Bangunan Sultan Ibrahim di sini, semalam.

Katanya, keluarga mangsa yang tinggal di Mersing serta tunang beliau yang berada di Putrajaya turut dikenakan tindakan kuarantin sebagai langkah berjaga-jaga.

Sementara itu, Robia turut menasihatkan ibu bapa supaya tidak bertindak menghantar anak-anak mereka ke sekolah sekiranya mereka tidak sihat, sebaliknya membawa mereka ke hospital untuk pemeriksaan lanjut. - Bernama

14 kes baru, tiga jangkitan tempatan dilapor

NORAWAZNI YUSOF

SHAH ALAM - Sebanyak 14 kes baru selesema babi atau Influenza A (H1N1) dilaporkan di negara ini, dengan 11 daripadanya adalah kes import dan tiga lagi merupakan kes jangkitan tempatan, menjadikan jumlah kes itu setakat ini meningkat kepada 158 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican berkata, 14 kes baru wabak itu melibatkan 11 rakyat tempatan dan tiga warganegara asing masing-masing dari warga Australia, New Zealand dan Indonesia.

Beliau berkata, berdasarkan daripada 11 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak itu iaitu Australia (4), Indonesia (4), Singapura (2) dan New Zealand (1), dan tiga kes jangkitan tempatan me-



libatkan warga tempatan.

"Jumlah pesakit H1N1 yang masih dirawat di hospital pada masa ini berjumlah 47 orang dan kesemua mereka menunjukkan tindak balas yang positif terhadap rawatan tanpa sebarang komplikasi.

"Seramai 111 kes wabak H1N1 yang telah sembuh sebaik sahaja menerima rawatan dan dibenarkan keluar daripada hospital," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Katanya, dua sekolah masih lagi ditutup iaitu Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban dan Sekolah Menengah Tsun Jin, Kuala Lumpur.



● MOHD ISMAIL MERICAN

Beliau berkata, dua sekolah itu akan ditutup sehingga Jumaat ini bagi mengawal penularan penyakit itu.

"Semua ibu bapa kepada pelajar diminta memastikan anak-anak mereka berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam dalam tempoh kuarantin.

Beliau berkata, seramai 713

orang daripada empat kontak yang mempunyai simptom menjalani kuarantin di rumah.

Jumlah kes yang disiasat kerana disyaki jangkiti wabak itu sebanyak 2,205 kes di mana 158 kes telah disahkan positif manakala 126 kes masih menunggu keputusan.

Shingga semalam, katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan jumlah kes H1N1 yang dilaporkan berjumlah 71,076 kes dengan 311 kematian daripada 116 negara.

Dr Mohd Ismail berkata, Kementerian juga mewujudkan sebuah laman web khas mengenai H1N1 di alamat <http://h1n1.moh.gov.my>.

"Selain itu, dua hotline baru dibuka iaitu 03-8883 4414 dan 03-8883 4415 sebagai tambahan kepada hotline sedia ada iaitu 03-8881 0200 dan 03-8881 0300 untuk kemudahan orang ramai," katanya.